

SOALAN NO. 540**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN
AZIZAH WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

SOALAN :

**YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta
PERDANA MENTERI menyatakan jumlah Peruntukan Khas Persekutuan
bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh untuk tahun 2015-2017; dan
butiran agihan penggunaan peruntukan tersebut dan senarai projek-projek
kecil serta pembayaran tiap projek.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Khas Persekutuan yang diluluskan bagi setiap kawasan parlimen Negeri Pulau Pinang diurus dan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang berdasarkan garis panduan dan peraturan yang berkaitan.

Jumlah Peruntukan Khas Persekutuan bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh untuk tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:

- (1) 2015 - RM7.095 juta untuk 140 projek/program;
- (2) 2016 - RM2.546 juta untuk 70 projek/program; dan
- (3) 2017 - RM0.999 juta untuk 45 projek/program.

Peruntukan ini diagihkan selepas pertimbangan sewajarnya dibuat berdasarkan kepada keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Agihan meliputi pelbagai kategori termasuk sumbangan bagi aktiviti/program, bantuan kebajikan dan kecemasan, pembekalan peralatan dan kelengkapan dan projek-projek kecil.

Sekian, terima kasih.